

# SPRM tahan 3 beranak

## Suspek disyaki ejen sindiket palsukan laporan perubatan tuntutan PERKESO

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tiga beranak ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki mendalangi tuntutan palsu terhadap Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bernilai lebih RM1 juta.

Pasangan suami isteri bersama anak perempuan berusia 35 hingga 67 tahun itu ditahan selepas memberi keterangan di SPRM Putrajaya, pada jam 2.15 petang semalam.

Sumber berkata, ketiga-tiga suspek dipercayai menjadi dalang untuk membuat tuntutan palsu kepada PERKESO.

Katanya, semua suspek disyaki bertindak sebagai ejen sindiket pemalsuan laporan perubatan Orang Berinsurans (OB) dalam kalangan pencarum PERKESO yang membuat permohonan tuntutan hilang upaya sementara atau kekal dan Pencen ILAT.

"Laporan perubatan dikemukakan mana-mana pemohon dipercayai mempunyai maklumat palsu bagi membolehkan bayaran

pampasan dibuat PERKESO, selain pemohon perlu membayar sejumlah wang kepada ejen terbabit selepas memperoleh pampasan.

"Difahamkan, kesalahan terbabit dilakukan antara 2015 hingga 2018 dengan membabitkan nilai pampasan lebih RM1 juta," katanya kepada *BH*, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Putrajaya, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, Hasbilah Mohamad Salleh ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terbabit.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Mereka dijangka dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk mendapatkan perintah permohonan reman, hari ini," katanya.



**SPRM menahan suspek** selepas memberi keterangan di SPRM Putrajaya, petang semalam.  
(Foto hiasan)